

# **Proposal Kajian**

## **Etika & Peradaban Berasaskan Agama dan Kepercayaan di Malaysia**

### **KUMPULAN TUTORIAL 2A**

1. Juliana binti Hafiz (149114)
2. Juwairiyah binti Md Radzi (147944)
3. Maisah binti Alinafian ( 145857)
4. Mohamad Norhafizi Bin Husin (148018)
5. Noor Athirah Murni binti Ab Aziz (148478)

HFE 224 Penghayatan Etika dan Peradaban  
Prof. Madya Dr. Ahmad Tajuddin Othman  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

9 Mei 2022

## 1.0 PENGENALAN

Etika merupakan suatu set peraturan kehidupan manusia yang menjadi asas dan panduan dalam menjalani kehidupan berprinsip dan mengikut peraturan yang betul (Hassan R. et al., 2020). Etika berkait rapat dengan moral, akhlak, watak dan peribadi manusia dan ia merupakan elemen penting yang menyumbang kepada ciri kehidupan bertamadun. Peradaban pula disebut sebagai kumpulan adat, pengetahuan, kesenian dan institusi yang membentuk cara hidup masyarakat manusia. Etika dan Peradaban masyarakat di Malaysia dapat dikaitkan dengan ajaran agama yang dipegang oleh masyarakat Malaysia seperti agama Islam, Buddha, Kristian dan lain-lain. Prinsip pertama dalam Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan jelas menunjukkan kepada kita supaya berpegang kepada ajaran agama masing-masing agar dapat membina negara yang makmur berlandaskan agama kerana setiap agama mengajak manusia ke arah kebaikan dan beretika. Kertas kajian ini akan memberi fokus kepada konteks agama dan kepercayaan yang terdapat di Malaysia serta melihat adakah pengamalan agama dan kepercayaan penganut Islam, Buddha dan Kristian di Malaysia semakin kurang diamalkan dalam kalangan masyarakat belia atau sebaliknya.

## 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan permasalahan yang telah dikenal pasti.

Permasalahan kajian yang wujud ialah seperti yang berikut:

2.1 Apakah agama dan kepercayaan yang terdapat di Negara Malaysia?

2.2 Adakah pengamalan agama & kepercayaan Islam, Buddha dan Kristian di Malaysia semakin kurang diamalkan dalam kalangan masyarakat belia di Malaysia?

## 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berlandaskan tiga objektif yang dirangka. Objektif kajian ini adalah:

3.1 Mengenal amalan dan kepercayaan agama Islam, Buddha dan Kristian di Malaysia.

3.2 Mengenal pasti perbezaan amalan dan kepercayaan antara agama Islam, Buddha, dan Kristian di Malaysia.

3.3 Mengkaji cabaran dalam mengekalkan amalan dan kepercayaan agama Islam, Buddha dan Kristian di Malaysia.

## 4.0 KAEDEH KAJIAN

Bagi menjalankan tugas yang diberikan, terdapat beberapa kaedah kajian atau metodologi yang akan digunakan oleh ahli kumpulan kami untuk memperoleh maklumat kajian dengan tepat dan tidak menyimpang daripada tajuk kajian. Antara kaedah kajian yang akan digunakan adalah:

### 4.1 Kaedah Soal Selidik

Kaedah pertama yang bersesuaian untuk digunakan dalam tugas ini adalah kaedah soal selidik. Kaedah ini merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengumpul data melalui soalan-soalan yang dibina oleh pengkaji berkaitan dengan fokus kajian yang akan diberikan kepada responden. Kaedah soal selidik ini akan menggunakan medium *Google Form*. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengumpul maklumat dan data melalui jawapan responden dengan lebih mudah dalam masa yang singkat.

### 4.2 Kaedah Rujukan dan Penyelidikan

Kaedah seterusnya ialah kaedah rujukan dan penyelidikan iaitu melalui pencarian bahan rujukan dan juga penyelidikan yang sedia ada. Ahli pengkaji akan mencari dan mendapatkan maklumat daripada sumber sekunder iaitu maklumat yang telah disusun dan dikemaskini oleh pakar-pakar yang berkenaan dengan tajuk kajian. Sumber seperti ini boleh didapati melalui carian bahan bacaan di perpustakaan dan juga melalui internet, contohnya menggunakan *Google Scholar*.

## 5.0 JADUAL PEMBAHAGIAN TUGAS

1. Juliana binti Hafiz - Kaedah Kajian
2. Juwairiyah binti Md Radzi - Pengenalan & Kaedah Kajian
3. Maisah binti Alinafian - Permasalahan Kajian & Objektif
4. Mohamad Norhafizi Bin Husin - Pengenalan
5. Noor Athirah Murni binti Ab Aziz - Permasalahan Kajian & Objektif

## 6.0 RUJUKAN

Hassan R., Zain F.M., Bakar K.A., & Kaseh & Kamaruzaman A.F. (2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 21(2020): 126–141.

Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional. (2022). *Kelab Rukun Negara (KRN)*.  
<https://www.jpnin.gov.my/ms/kenegaraan/kelab-rukun-negara>